

ISU AIR BUKIT PUNCA MRR2 BANJIR

Amaran rampas tanah pemilik degil



[FOTO FARIS FUAD/BH]



Kerajaan negeri sudah ambil tindakan penguatkuasaan ikut undang-undang menerusi pihak berwajib dan akan mengambil tindakan lebih keras termasuk merampas tanah mereka yang tidak patuh peraturan”

Zaidy Abdul Talib,
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodalan, Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor

Kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran berbincang dengan wakil kerajaan negeri selepas meninjau kawasan pembangunan tanah bersebelahan MRR2 yang menjadi punca banjir lumpur di kawasan itu.

➔ MPS keluar 12 kompaun sita peralatan diguna bangunan kawasan berhampiran lebuhraya

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kerajaan Selangor akan merampas tanah yang terletak di kawasan berbukit berhampiran jalan antara Gombak Hulu Kelang ke Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) sekiranya pemilik berdegil dan tidak mematuhi undang-undang.

Ia bagi memastikan air dari kawasan bukit berkenaan tidak turun ke kawasan lebuhraya sehingga laluan itu ditenggelami air dan menghalang perjalanan kenderaan sehingga beberapa jam, berulang.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodalan, Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Talib, berkata sehing-

ga kini, Majlis Perbandaran Selangor (MPS) sudah mengeluarkan 12 kompaun termasuk menyita peralatan dan jentera pemilik tanah di kawasan berkenaan yang bangunkan.

Keluar pelbagai notis

Selain itu, Pejabat Tanah dan Daerah Gombak turut mengeluarkan pelbagai notis kesalahan selain membina pagar halangan dan kawalan statik untuk memastikan insiden itu tidak berulang.

“Kerajaan negeri sudah mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut undang-undang dan peraturan sedia ada menerusi pihak berwajib dan akan mengambil tindakan yang lebih keras termasuk merampas tanah mereka yang didapati tidak mematuhi peraturan,” katanya kepada BH

Zaidy berkata, pihaknya juga

melihat tindakan Jabatan Kerja Raya (JKR) membina dua longkang bagi menyekat aliran air bukit daripada melimpah ke MRR2 sebagai memadai buat masa ini dan sebagai jalan penyelesaian jangka pendek.

“Ia sebagai langkah pencegahan dalam menangani aliran air daripada melimpahi kawasan lebuhraya.

“Selagi masalah ini tidak ditangani sepenuhnya, keadaan dijangka berulang jika berlaku hujan lebat dalam jangka masa yang panjang,” katanya.

Banjir lumpur

Dalam kejadian baru-baru ini hujan yang berlarutan selama sejam menyebabkan banjir lumpur di Lebuhraya MRR2 dari Gombak ke Ampang, berhampiran susur keluar Lebuhraya Karak-Gombak sehingga ketiga-tiga lorong terhalang.

Banjir lumpur itu dipercayai berpunca daripada aliran dari kawasan pembinaan berhampiran dan kolam takungan yang ada di situ yang didapati sudah didirinkan kedai kenderaan terpakai.

Beberapa projek pembinaan di sekitar lereng bukit yang menyebabkan banyak pokok ditebang juga didakwa menjadi punca banjir lumpur di lebuhraya berkenaan.

Seorang peniaga di kawasan berkenaan berkata, kejadian aliran air dari kawasan bukit turun ke lebuhraya berkenaan sudah berlarutan sejak lima tahun lalu dan kejadian kenderaan terperangkap dalam banjir lumpur adalah sesuatu yang sangat biasa.

Justeru katanya, pihak berkuasa diminta mencari jalan penyelesaian termasuk membesarkan lagi sistem perparitan bersebelahan lebuhraya itu atau membuat kolam takungan banjir sementara.

Lima tahun hadapi banjir lumpur



Keratan akhbar
BH 25 Januari lalu.



Antara kawasan bukit dekat Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 yang dibangun pemilik.